

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO

TARIKH: 11 SEPTEMBER

MUKA SURAT: 6

Parkir bertingkat automatik bakal dibina di PPR Lembah Pantai

KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang untuk membina parkir bertingkat automatik di sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Pantai bagi memudahkan penduduk di kawasan itu meletakkan kenderaan masing-masing.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, projek yang dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat itu bertujuan untuk menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas yang sinonim di kawasan tersebut.

"Buat masa ini, kita masih menjalankan kajian bagi melihat kawasan yang sesuai untuk dijadikan projek parkir bertingkat automatik yang pertama di ibu kota.

"Projek ini mampu mengandakan jumlah parkir kereta sedia ada dan memudahkan penduduk di kawasan sekitar meletakkan kenderaan mereka," katanya selepas merasmikan program Jom Bantu Rakyat-Komuniti Ceria di PPR Kerinchi, Lembah Pantai di sini semalam.

Turut hadir Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Loga Bala Mohan.

Tambah Tengku Adnan, program berkonsep mendekati rakyat tempatan tersebut bertujuan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi pen-

duduk di negara ini.

"Program ini melibatkan penyertaan daripada 30 agensi kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi dengan menyediakan pameran serta perkhidmatan secara terus kepada masyarakat setempat.

"Antara perkhidmatan yang disediakan adalah temu duga pekerjaan yang menawarkan lebih 500 peluang pekerjaan, permohonan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan, saringan kesihatan dan permohonan latihan kemahiran," jelasnya.

Program Jom Bantu Rakyat-Komuniti Ceria turut menyediakan kaunter perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Amanah Raya.



TENGGU ADNAN (tiga dari kanan) melancarkan program Jom Bantu Rakyat-Komuniti Ceria di PPR Kerinchi, Lembah Pantai, Kuala Lumpur semalam.